

Kebangkitan Neo-Mahathirisme



Khazanah Nasional akhirnya kembali dipengerusikan oleh Tun Dr Mahathir sendiri. Turut dilantik ialah Datuk Seri Mohamed Azmin Ali sebagai Pengarah.

Walau bagaimanapun, langkah ini menimbulkan persoalan dengan semangat tiga janji dalam manifesto Pakatan iaitu: "Kuasa Perdana Menteri untuk memanipulasi institusi penting negara juga akan dihapuskan" (Halaman 49), "pelantikan ahli lembaga pengarah ke dalam GLC nasional dan negeri adalah dari kalangan golongan profesional, dan bukan berdasarkan kaitan politik mereka" (Halaman 70), dan juga "Perdana Menteri tidak akan memegang jawatan menteri lain, terutamanya jawatan Menteri Kewangan" (halaman 48).

Benar, Tun Mahathir tidak menjadi Menteri Kewangan, namun Reformasi pemisahan jawatan Perdana Menteri dengan Menteri Kewangan hampir tidak bermakna

apabila beliau sendiri hari ini mem-pengerusikan Khazanah Nasional.

Benar, ada beza antara syarikat milik kerajaan (GLC) dengan syarikat pelaburan milik kerajaan (GLIC). Benar bahawa Khazanah ialah GLIC dan bukannya GLC.

Dan benar juga bahawa manifesto Pakatan menyatakan bahawa ahli lembaga pengarah GLC yang akan dilantik dalam kalangan profesional, bukannya GLIC.

Namun GLIC seperti Khazanah sebenarnya berkuasa dalam menentukan pelaburan GLC-GLC ini disebabkan kawalan pengurusan dan pemilikan.

Turut dilantik sebagai Pengarah Khazanah ialah seorang lagi tokoh yang rapat dengan Tun Mahathir iaitu Tan Sri Hassan Marican - juga dalam masa yang sama ialah ahli Majlis Penasihat Kerajaan dan dijangka bakal menjadi Pengerusi Petronas.

Sebelum ini, seorang lagi ahli Majlis Penasihat Kerajaan iaitu Tan Sri Zeti Akhtar Aziz bukan hanya dilantik menerajui Permodalan Nasional Berhad (PNB), bahkan juga Pengerusi Sime Darby Property Berhad. Begitu juga dengan Tun Daim

yang menjadi utusan khas ke China, mengatasi Menteri Luar dan Menteri Kewangan.

Siri pelantikan sebegini telah menimbulkan persoalan tentang sejauh mana agenda 'reformasi' masih hidup dalam kerajaan PH hari ini? Mengapa sebaliknya petanda gejala penumpuan (concentration) posisi tertentu kepada individu tertentu makin ketara?

Berdasarkan realiti percaturan politik semasa, sebenarnya boleh dikatakan bahawa agenda 'reformasi' telah diserap ke dalam satu fenomena baharu yang penulis istilahkan sebagai 'Neo-Mahathirisme'.

Apa itu 'Neo-Mahathirisme'? Penulis mendefinisikan Neo-Mahathirisme sebagai praktik atau amalan 'Mahathirisme' lama yang dilunakkan sedikit dengan agenda reformasi.

Akibatnya, di bawah Neo-Mahathirisme, ada sesetengah hal di mana Mahathirisme yang lama itu tunduk kepada agenda reformasi - seperti media yang dibenarkan terbuka, pelantikan jawatan yang tidak lagi eksklusif kepada orang Melayu, tiada lagi parti dominan seperti Umno, dan sokongan kepada peng-

hapusan akta-akta yang dikatakan drakonian dan menindas.

Namun pada sisi yang lain, Neo-Mahathirisme ini masih mengekalkan praktik lama Mahathirisme seperti penguasaan sekelompok elit ke atas sektor ekonomi politik, pelaksanaan ideologi ekonomi 'Neoliberal' yang diadun dengan projek berskala nasional, serta ketinggian Nilai Asia dalam mengadaptasi kemajuan teknologi Barat untuk pembangunan negara (contohnya Dasar Pandang ke Timur 2.0).

Tidak menghairankan apabila Tun Mahathir beria-ia untuk mewujudkan projek kereta nasional ketiga, tanpa mempedulikan bantahan suara rakyat yang seharusnya menjadi tonggak 'reformasi'.

Malah, sejarah membuktikan bahawa ada kaitan yang rapat antara Khazanah di bawah teraju Tun Mahathir dengan projek berkaitan kereta.

Apabila Khazanah diwujudkan pada September 1993 oleh Tun Mahathir, antara usaha sama pertamanya ialah projek kereta yang melibatkan Jepun dan China, rujuk karya Sarjana Universiti Malaya, Prof Edmund Terence Gomez bertajuk

Minister of Finance Incorporated: Ownership and Control of Corporate Malaysia halaman 37-47.

Kini selepas 25 tahun, modus operandi Tun Mahathir kelihatan cuba mengulangi kembali kisah usaha sama Khazanah-projek kereta 1993.

Malah, pada 1993 juga Tun Mahathir mengetuai delegasi Malaysia ke China dengan separuh daripadanya terdiri daripada ahli perniagaan.

Dirancang atau sekadar kebetulan, Tun Mahathir kini bukan sahaja kembali menerajui Khazanah dan mengusulkan projek kereta nasional ketiga (ketika di Jepun dan Indonesia), malah beliau juga akan melawat China pada Ogos ini.

Maka, bolehlah dikatakan bahawa regu Tun Mahathir-Azmin Ali hari ini menandakan kebangkitan 'Neo-Mahathirisme', persis regu Tun Mahathir-Anwar Ibrahim sewaktu era Mahathirisme dahulu.